KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 3 MEI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | SIM TZE TZIN: TECHNOLOGY NEEDED AS FISH PRODUCE DROPS 95 PCT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A24<br>SIM TZE TZIN: INCREASE FISH CATCHES THROUGH THE USE OF HIGH-TECH FISHING BOATS, NEWS, SIN CHEW DAILY (JOHOR) -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3. | ARUMANIS SERUPA TAPI TAK SAMA, NEGARA, KOSMO -18 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 4. | FISHERIES MUST EMBRACE TECHNOLOGY, SUPPLEMENT, GUANG MING DAILY -KB4 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11. | 200 NELAYAN PANTAI TERJEJAS, FORUM, UM -20<br>KERANG MAKIN PUPUS, FOKUS, SH -20<br>TUNGGU TINDAKAN PIHAK BERKAITAN, FOKUS, SH -21<br>KAMPUNG DICEMARI BAU BUSUK, FOKUS, SH -21<br>TINDAKAN PEMUTIHAN LEBIH PROAKTIF TAHUN INI: MB, FOKUS, SH -21<br>APA SALHNYA FGV TANAM DURIAN?, BISNES, UM -38<br>CHINA BLOCKS PORK SHIPMENTS FROM CANADIAN EXPORTERS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A44 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Technology needed as fish produce drops 95 pct | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 03 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A24 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1670 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 21,006 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 63,019 |



# 渔获大跌95%

## 沈志勤：用科技增捕获率

**（适耕庄2日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤指出，我国上世纪60年代每平方公里的渔获为3万7000公吨，不过，2014至2015年期间的调查发现，每平方公里的渔获已减至1035公吨，降幅超过95%令人担忧的水平。**

### 渔业总会50周年宴

**他说，这是根据渔业研究机构就渔获的上述调查所得，我国须正视渔获大幅锐减的问题。**

沈志勤指出，渔民也可……[illegible]

### 争取低贷买渔船

[illegible]




大马渔业总会第25届理事会及嘉宾，前排左起李秋水、许慧贞、戴华山、谢汤侦、沈志勤、张赈琮、叶志明及魏如燕。

## 设备先进价廉物美
# 我国造船技术获认可

[illegible]

### 3年可回本

[illegible]

**大马渔业总会第25届执委会**

**总会长**：谢汤侦
**署理会长**：戴华山
**副会长**：[illegible]
**总务**：许慧贞
**副总务**：[illegible]
**财政**：叶志明
**交际**：[illegible]
**副交际**：[illegible]
**理事**：[illegible]
（全青队成）

# 海产禁出口挤爆冷冻库
## 供应不稳国际失信心

[illegible]

### 渔民被逼贱价变卖

[illegible]

# 张赈琮促严捉越南非法渔船

[illegible]

# 黄瑞林：海域安全问题仍在

[illegible]



黄瑞林（左）与黄诗杰握手寒暄，左二起为谢汤侦及谢桂坤。

# 张志坚：关注自雇人士社险

[illegible]

"这是人力资源部通过1伤保险计划（Skim Bencana Pekerjaan），以积极扩大社险对自雇人士的保障政策。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Increase fish catches through the use of high-tech fishing boats | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Johor) | | |
| Date | 03 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 70,157 |
| Page No | 10 | Readership | 210,471 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 488 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,806 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,418 |






●大马渔业总会新届理事大合照，前左起为李秋水、许慧真、戴华山、谢添僖、沈志勤、张赈琮、叶志明和魏如豪

## 沈志勤：不能再靠傳統方式捕魚

# 用高科技漁船增漁獲

（适耕庄2日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤呼吁渔民不能再依靠传统方式捕鱼，而需朝向高科技作业，并以本身最近受邀参观美里造船厂制造的一艘高科技先进渔船为例，就连澳洲渔民也远道而来我国订制渔船。

### 卫星扫描连接搜索鱼群

他前晚在马来西亚渔业总会成立50周年会庆晚宴暨第25届理事宣誓仪式上致词时说，该艘先进渔船造价400万令吉，船上捕鱼工作全自动化，船长室具备许多先进科技，使用卫星扫描和连接搜索鱼群，省时省钱捕到更多鱼，渔获直接在海上处理冷冻，渔船靠岸后便可马上出口。

他呼吁渔民可向这类高科技渔船看齐，其实若不介意采用本地或中国仪器，或渔民睡房无需全冷气设施，具有基本配备的先进渔船，大约250万令吉可以做到。

“只要朝向科技化，渔民的未来还是光明的。我会向财政部争取更多的渔民贷款，好让渔业朝向高科技和现代化。”

沈志勤形容，该澳洲渔民告诉他，我国渔船造工价廉物美手工一流，造价400万令吉的这艘渔船，估计可在三四年便可回本，每次出海连同船长共三四人足矣，无需像本地B型渔船的五六人，或C2型拖网渔船的8人作业方式。

他认为，渔业面对工人难找和雇用外劳问题，更应朝向高科技作业方式，实现美好的捕鱼前景。

**馬來西亞漁業總會**
**第25屆（2019-2021）執委會**

| | |
|---|---|
| 总会长 | 谢添僖(适耕庄渔业公会) |
| 署理会长 | 戴华山(新山渔业批发商公会) |
| 副会长 | 拿督斯里张赈琮(关丹渔业公会) |
| 总务 | 许慧真(班台渔商公会) |
| 副总务 | 吴连顺(槟城渔业船主公会) |
| 财政 | 叶志明(怡保鱼商公会) |
| 交际 | 辛建佳(吉隆坡海商公会) |
| 副交际 | 余克顺(大港海产公会) |
| 理事 | 魏如豪(士拉央鱼商公会)、许松泉(霹雳近打渔业公会)、陈咏怀(槟城鱼商批发公会)、陈天赐(槟城水产公会)、谢立群(兴楼渔业公会)、何再添(马六甲鱼商公会)、马楚发(邦咯岛海业公会)、刘锡通(玻璃市港口鱼商船主公会)、李秋水(霹雳半港海产公会) |

## 謝添僖：漁業5問題應受關注

马来西亚渔业总会总会长谢添僖呼吁政府关注渔业面临的5大问题，即每年几个月有几种鱼产被禁出口、雇用外劳、邻国武装船只侵犯海域掳走渔船渔民、政府取消B牌渔船执照和大批越南渔船闯入我国海域捕鱼。

他说，大马渔业发展局每年在佳节前后，都会禁止特定海产4个月出口，以供应本地市场需求，但所禁的海产却非国民所需，造成国内鱼获冷冻库爆满。

他认为，这影响了进出口商资金周转，海产供应不稳定致使国际贸易商对我国失去信心，转向他国购买海产，令我国损失大量外汇。

### 促增派军舰巡逻海域边界

“速冻厂因冷库爆满导致大量海产无位可囤，渔民只好贱价卖给鱼粉厂或当成鱼料养鱼，令渔民损失惨重，且浪费海洋资源。”

谢添僖促请政府增派军舰巡逻海域边界，捍卫我国海域自主权，因印尼武装船只屡次越界强行拖走我国渔船，渔民人心惶惶不敢出外捕鱼，单在近2个月就有相等于1000万令吉资产的10多艘渔船被捕，渔民只能等待外交部同印尼当局交涉，赎回这些渔船。

他说，基于国人不愿从事劳力辛苦的捕鱼工作，导致渔业常年依赖外劳以持续渔业发展，希望政府能协助渔业界解决外劳短缺问题。

在B型渔船方面，谢添僖要求政府重新检讨将在明年取消执照的决定，因我国有数千名B型渔船渔民，长期依靠捕鱼收入维持生计，政府此措将令渔民生活陷困。

### 张赈琮：应严捉越非法渔船

渔总副会长拿督斯里张赈琮促请海事执法单位，严加捉拿越南非法渔船，半岛东海岸多年来一直面临越南渔船闯入我国海域非法捕鱼问题，令我国损失上百万令吉渔获，且越南渔民使用破坏性捕鱼工具破坏我国海域海床，影响自然环境。

人力资源部长古拉政治秘书张志坚代读部长讲稿，雪州议长拿督斯里黄瑞林也在会上致词。

渔总会庆晚宴共获得出席嘉宾一共2万1000令吉拨款及捐款。

当中张志坚代表人资部长拨出的5000令吉，马来西亚一带一路委员会会长拿督斯里蔡细历5000令吉，沈志勤3000令吉，黄瑞林3000令吉，企业发展部副部长哈达南利3000令吉和大港国会议员慕斯利敏2000令吉。

出席者包括渔总名誉顾问丹斯里翁诗杰、永久名誉会长纪伟成和谢田坤，署理会长戴华山，副会长张赈琮，总务许慧真，财政叶志明，副交际余克顺，理事兼筹委会主席魏如豪和李秋水。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 3/5/2019 | KOSMO | NEGARA | 18 |

Hanya rasa, bau yang membezakan mempelam Indonesia dengan harumanis

# Arumanis serupa tapi tak sama



HARUMANIS mempunyai rasa dan bau tersendiri bagi membezakannya dengan buah mempelam lain.

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**KANGAR** – Orang ramai diminta berhati-hati agar tidak terpedaya dengan menyangka mempelam dari Indonesia dikenali sebagai arumanis sebagai harumanis yang menjadi buah ikon negeri ini.

Pengarah Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, kekeliruan mungkin timbul apabila warna dan bentuk fizikal luaran arumanis menyerupai harumanis.

"Persamaan itu termasuk ciri dua 'tanduk' pada arumanis yang merupakan ciri utama terdapat pada harumanis," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata beliau, harumanis bagaimanapun dapat dibezakan dengan mempelam Indonesia itu dari segi rasanya.



ARUMANIS yang dibawa masuk dari Indonesia mempunyai persamaan dari segi warna dan bentuk fizikal luaran harumanis.

"Arumanis didapati mempunyai kandungan serat yang lebih tinggi dan kurang manis selain tidak berbau harum seperti harumanis," ujarnya.

Justeru, beliau meminta peminat harumanis agar tidak keliru antara kedua-dua jenis mempelam tersebut yang mana arumanis didapati turut dijual di negeri ini dan di luar Perlis.

"Arumanis dijual pada harga kira-kira RM4 hingga RM5 sekilogram berbanding harumanis antara RM30 hingga RM40 sekilogram pada musim ini," jelasnya yang mengakui bimbang sekiranya pembeli dari luar negeri ini tertipu jika tidak berhati-hati ketika membeli buah tersebut.

Tambahnya, pihaknya tidak dapat menghalang kemasukan arumanis kerana pengimport membawa masuk ke negara ini sama seperti mempelam lain dari Thailand.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries must embrace technology | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 03 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 49,712 |
| Page No | KB4 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 559 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,470 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,409 |



▶ 漁總50週年慶晚宴

# 沈志勤：不能再傳統作業
# 漁業須朝科技化

（适耕庄2日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤认为，我国渔业不能再依靠传统方式捕鱼，而需朝向高科技作业，并称只要朝向科技化，渔民未来还是有的。同时，他也表示会向财政部争取更多的渔民贷款，好让渔业朝向高科技和现代化。

他前晚在雪州适耕庄出席马来西亚渔业总会（渔总）成立50周年会庆晚宴暨第25届理事宣誓仪式上致词时，也以本身最近受邀参观砂州美里造船厂，制造的一艘高科技先进渔船为例，就连澳洲渔民也远道而来我国定制渔船。

## 将申请更多渔民贷款

沈志勤透露，该艘先进渔船造价400万令吉，船上捕鱼工作全自动化，船长室具备许多先进科技，使用卫星扫描和连接搜索鱼群，省时省钱捕到更多鱼，鱼获直接在海上处理冷冻，渔船靠岸后便可马上出口。

"大马渔民可向这类高科技渔船看齐，其实若不介意采用本地或中国仪器，或渔民睡房无需全冷气设施，具有基本配备的先进渔船，大约250万令吉可以做到。"

他说，我国目前每年的鱼获为190万公吨，总值为140亿令吉，构成我国在鱼产方面的90%自给自足，因此其认为渔业同时面对工人难找和雇用外劳问题，更应朝向高科技作业方式，实现美好的捕鱼前景。

此外，马来西亚渔业总会总会长谢添僖呼吁政府关注渔业面临的五大问题，即每年几个月有几种鱼产被禁出口、雇用外劳、邻国武装船只侵犯海域掳走渔船渔民、政府取消B牌渔船执照和大批越南渔船闯入我国海域捕鱼。他也促请政府增派军舰巡逻海域边界，捍卫我国海域自主权，因印尼武装船只屡次越界强行拖走我国渔船，渔民人心惶惶不敢出外捕鱼，单在近两个月就有相等于1000万令吉资产的10多艘渔船被捕，渔民只能等待外交部同印尼当局交涉，赎回这些渔船。

"B型渔船方面，希望政府重新检讨将在明年取消执照的决定，因我国有数千名B型渔船渔民，政府此措施将令渔民生活陷困。"

渔总副会长拿督斯里张赈琮促请海事执法单位严加捉拿越南非法渔船，东海岸多年来一直面临越南渔船闯入我国海域非法捕鱼问题，令我国损失上百万令吉鱼获，且越南渔民使用破坏性捕鱼工具破坏我国海域海床，影响自然环境。（TSI）



■慕斯利敏（左起）、黄瑞林、沈志勤、张志坚和谢添僖为庆典主持开幕仪式。

| 马来西亚渔业总会第25届（2019-2021）执委会 | |
|---|---|
| 总会长 | 谢添喜（适耕庄渔业公会） |
| 署理会长 | 戴华山（新山渔业批发商公会） |
| 副会长 | 拿督斯里张赈琮（关丹渔业公会) |
| 总务 | 许慧真（班台渔商公会） |
| 副总务 | 吴连顺（槟城渔业船主公会） |
| 财政 | 叶志明（怡保鱼商公会） |
| 交际 | 辛建佳（吉隆坡海商公会） |
| 副交际 | 佘克顺（大港海产公会） |
| 理事 | 魏如豪（士拉央鱼商公会）、许松泉（霹雳近打鱼业公会）、陈咏怀（槟城鱼商批发公会）、陈天赐（槟城水产公会）、谢立群（兴楼渔业公会）、何再添（马六甲鱼商公会）、马亚发（邦咯岛海业公会）、刘锡通（玻璃市港口鱼商船主公会）、李秋水（霹雳半港海产公会） |

## 要求增加柴油固打額

适耕庄州议员黄瑞林披露，适耕庄一带的渔民，面对渔船津贴柴油短缺问题，使渔船到了月底的津贴柴油分配额严重不足，原因是向大马渔业发展局注册的渔船数量，和实际运作的渔船出现很大落差，因此他会针对此事向农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁和大马渔业发展局总监陈情，要求当局增加津贴柴油固打额，彻底解决问题。

他指出，根据原先记录是120艘渔船，但目前包括从外而来的有200多艘渔船。渔业发展局只有每月210万公升的津贴柴油配额，不足以应付渔船的增加。

此外，人力资源部长古拉政治秘书张志坚披露，人资部正透过自雇人士社险计划，扩大社会保险的涵盖范围，使渔民和工友受惠。

他在代读部长讲稿时，促请渔总时刻确保渔民与工友的安全不容妥协，若面对问题，可联络最靠近的社险或人力部分局。




■大马渔业总会新届理事前左起李秋水、许慧真、戴华山、谢添僖、沈志勤、张赈琮、叶志明和魏如豪。他们也在庆典上宣誓就职。

### 共筹2.1万

另外，渔总会庆晚宴唱"大丰收"，获得出席嘉宾一共2万1000令吉拨款及捐款。款项来自张志坚代表人资部长拨出的5000令吉、马来西亚一带一路委员会会长拿督斯里蔡宝强5000令吉、沈志勤3000令吉、黄瑞林3000令吉、企业发展部副部长哈达南利3000令吉和雪州大港国会议员慕斯利敏2000令吉。

出席嘉宾有大马渔总名誉顾问丹斯里翁诗杰、永久名誉会长纪伟成和谢壮坤、署理会长戴华山、副会长张赈琮、总务许慧真、财政叶志明、副交际佘克顺、理事兼筹委会主席魏如豪和李秋水等。（TSI）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 3/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 20 |



KEADAAN air sungai di Changkat, Pulau Pinang yang hitam pekat, busuk dan berminyak. - GAMBAR IHSAN PEMBACA

# 200 nelayan pantai terjejas

**SAUDARA PENGARANG,**

**KIRA-KIRA** 200 nelayan pantai di Changkat, Seberang Perai, Pulau Pinang terjejas sumber pendapatan mereka berikutan masalah pencemaran sungai dan laut yang semakin serius di kawasan itu.

Kejadian tersebut yang sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu gagal diambil tindakan oleh kerajaan negeri dan jabatan terlibat walaupun berpuluh-puluh aduan telah dibuat oleh nelayan terbabit.

Masalah itu bukan sahaja menyebabkan ikan, udang, kerang, siput, sotong dan ketam yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan pantai di situ semakin berkurangan tetapi paling membimbangkan pada sesetengah musim, kemerosotan hasil mencecah sehingga 70 peratus.

Pencemaran berkenaan menyebabkan air sungai dan laut di kawasan itu terlalu kotor dan berbau busuk. Di samping warnanya hitam pekat dan berminyak, pelbagai bahan buangan termasuk plastik terapung memenuhi permukaan air serta mendap di dalam lumpur.

Keadaan tersebut dipercayai berpunca akibat pelepasan sisa buangan dari kilang kelapa sawit, ladang ternakan ayam serta tapak pelupusan sampah berdekatan kawasan itu.

Jika pencemaran itu terus dibiarkan, nelayan pantai di kawasan tersebut yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan sungai dan laut akan hilang sumber pendapatan bagi menyara kehidupan keluarga.

Turut dibimbangkan, hutan paya bakau yang terdapat di kawasan itu juga akan terancam dan musnah jika pencemaran ini berterusan.

Oleh itu, kerajaan Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar harus bertindak segera bagi menangani masalah ini.

Undang-undang sedia ada perlu dikuatkuasakan dengan tegas dan pemantauan berterusan hendaklah dilakukan oleh pihak berkenaan dengan lebih kerap agar kejadian itu tidak berulang.

**SAHABAT ALAM MALAYSIA (SAM)**
Pulau Pinang

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/5/2019 | SINAR HARIAN | FOKUS | 20 |

Pencemaran sisa kumbahan kilang yang tidak berkesudahan menyebabkan ternakan kerang di perairan ini semakin pupus.

Lebih membimbangkan, ternakan kerang di Bagan Sungai Buloh dan Sungai Sembilang terjejas teruk sehinggakan benih kerang sukar dicari di perairan itu.

Bukan sekali tetapi banyak kali aduan dipanjangkan kepada agensi berwajib bagaimanapun tiada penyelesaian konkrit sehingga kini.

Ikuti kupasan *Wartawan Sinar Harian, Arziana Mohmad Azaman* mengenai isu ini.



Sisa kumbahan kilang yang melekat di kawasan jeti Bagan Sungai Buloh.



# Kerang makin pupus

## *Pencemaran sungai punca pendapatan nelayan terjejas*

**ARZIANA MOHMAD AZAMAN**

**KUALA SELANGOR**

Sukarnya mencari hasil hingga mengambil masa hampir tiga jam untuk mendapatkan 10 kilogram (kg) kerang.

Itu luahan nelayan, Kahar Buntal, 67, mengenai kemerosotan hasil kerang di Bagan Sungai Buloh dan Sungai Sembilang.

"Kalau dulu, tiga jam tu boleh penuh satu sampan hasil kerang dibawa balik tapi sekarang ni cukup susah.

"Memang merosot teruk sampaikan lima pangkalan kerang terpaksa ditutup gara-gara tak ada hasil," katanya.

Kahar yang masih gigih ke laut, tidak menafikan benih kerang mulai pupus di perairan Sungai Buloh, disebabkan pencemaran yang tidak terkawal.

"Sisa kumbahan kilang yang mengalir di bagan ini mendap di kawasan dasar ternakan kerang dan bila bertahun-tahun berlarutan, tanah itu jadi keras.

"Sekarang ni ikut nasib. Kalau dapat pun tak sampai satu baldi penuh, tapi nak buat macam mana kami nelayan ni kena turun ke laut untuk cari rezeki," katanya.

> ***"Memang merosot teruk kalau dibandingkan dulu sampaikan lima pangkalan kerang terpaksa ditutup gara-gara tak ada hasil."*** - *Kahar Buntal*



Kahar menunjukkan hasil kerang yang diperolehi tidak sampai 20kg selepas tiga jam mencari hasil kerang di perairan Bagan Sungai Buloh.

### *Kawasan dasar perlu dibersihkan*

Kahar berkata, sisa kumbahan yang mendap di dasar laut perlu dibersihkan bagi membolehkan benih kerang diternak semula.

"Kawasan ini terdedah dengan pelbagai jenis pencemaran sebab lembangan sungai itu dari Sungai Buloh sehingga mengalir ke laut.

"Pencemaran ini jangan dipandang remeh kerana boleh menjejas hasil kerang dan tak mustahil kerang dipenuhi sisa kumbahan.

"Penguatkuasaan kena lebih kuat bagi membantu kami nelayan di sini sebab kalau sisa kumbahan dialirkan, memang bau busuk dan berwarna hitam," katanya.

Menurutnya, saiz kerang pun semakin mengecil dan banyak kulit mati di dasar kawasan ternakan kerang.

"Kalau dibiarkan begini, sampai bila-bila pun kerang tak boleh diternak. Sebab itu harga kerang pun sekarang sudah cecah RM8 sehingga RM10 sekilogram.

"Dulu saya masih ingat, jual dengan harga RM1 saja untuk sekilogram sebab permintaan banyak tapi hasil juga banyak.

"Kalau boleh kawasan alor sungai ini didalamkan supaya kawasan dasar ternakan kebun dapat 'tanah berlumpur' yang baharu," katanya.




laluan sungai dari Jambatan di persimpangan Puncak Alam ke arah Jambatan Kampung Parit Mahang yang didakwa dicemari sisa kumbahan kilang berhampiran.

## Beralih kepada jaring ikan

**BAGI** nelayan, **Samsudin Zainal Abidin**, 50, hasil kerang yang semakin berkurangan mendorongnya beralih kepada tangkapan ikan.

"Tapi hasil ikan pun tak menentu sebab banyak yang mati disebabkan pencemaran. Kami yang bawa bot kecil terpaksa mara ke tengah laut untuk dapatkan ikan.

"Memang nak kata bertarung nyawa jugalah sebab tengah laut tu jadi laluan kapal besar yang membawa kontena ke pelabuhan... memang gerun tapi nak buat macam mana," katanya.

Menurutnya, dia mula menjaring ikan tiga tahun lalu kerana hasil kerang yang tidak memberansangkan.

"Tak dapat untung pun sebab nak bahagi tiga orang dengan kos minyak lagi. Sebab itu kami jaring ikan sekarang ini," katanya.

Seorang lagi nelayan, **Zulkifli Abdul Karim**, 34, berkata, hasil jaring ikan turut terjejas memandangkan banyak ikan mati tersangkut pada jaring dengan lendir sisa kumbahan kilang.

"Bila ada ikan yang tersangkut dekat jaring susah nak dikeluarkan. Memang boleh nampak sisa kumbahan kilang pada jaring," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/5/2019 | SINAR HARIAN | FOKUS | 21 |

## Kampung dicemari bau busuk

**SEMENTARA** itu, bekas ketua Kampung Parit Mahang, Baharom Hussein tidak menafikan kampung itu turut terjejas dengan gangguan bau busuk akibat pencemaran sungai berhampiran.

"Laluan sungai ini kerap dicemari sisa kumbahan kilang sehingga bau yang cukup memualkan. Bila cuaca panas memang bau sangat kuat.

"Saya pernah buat siasatan punca pencemaran ini dan meninjau di jambatan persimpangan Puncak Alam namun hairan di situ airnya jernih.

"Tapi bila tengok air di jambatan Parit Mahang, air sangat kotor, berwarna hitam dan berminyak. Jadi, mungkinkah sisa kumbahan itu datangnya dari kawasan perindustrian berhampiran?

"Bila diajukan kepada pihak berkenaan, banyak yang beri penjelasan bahawa punca itu dari kesan pembangunan di Lembangan Sungai Buloh dari bandar tapi bila lihat kes ini, timbul persoalan.

> *"Laluan sungai ini kerap dicemari sisa kumbahan kilang sehingga bau yang cukup memualkan. Bila cuaca panas memang bau sangat kuat."* - Baharom

"Mungkin pihak berkenaan boleh pantau kilang di kawasan perindustrian berhampiran... tak perlu pergi jauh sebab boleh lihat kesan hitam itu bermula dari mana.

"Penduduk sudah lama menanggung bau busuk ini dan syukur ketika ini hujan sebelah petang, jadi baunya kurang sikit tapi janganlah ambil endah isu pencemaran ini," katanya.



Hasil kerang yang pernah dirakamkan lebih empat tahun lalu yang boleh mencecah lebih 10 guni sehari berbanding sekarang.



Kahar (kiri) bersama rakan nelayan lain melihat mesin pencuci kerang yang tersadai tidak dapat digunakan berikutan pangkalan kerang ditutup gara-gara tiada hasil.

## Tunggu tindakan pihak berkaitan

**ADUN** Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli yang turun padang secara mengejut di kawasan Bagan Sungai Buloh berjanji untuk memanjangkan isu kepada pihak berkaitan.

"Saya sudah terima maklum balas agensi berkaitan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Namun kesemua agensi terbabit memberikan jawapan berbeza. Saya turut bangkitkan isu sama kepada Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim.

"Beliau mengesahkan bahawa memang Sungai Buloh antara sungai paling kotor berbanding sungai lain di negeri ini.

"Difahamkan, kerajaan negeri juga menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu pencemaran sungai.

"Saya pasti isu pencemaran di Bagan Sungai Buloh ini menjadi salah satu tumpuan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengusaha kilang yang dipercayai menjadi punca pencemaran sungai di daerah ini.

Yang Dipertuanya, **Rahilah Rahmat** berkata, MDKS memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak mengambil jalan mudah melupuskan sisa toksik dan kumbahan ke dalam sungai.

"Pemilik kilang juga dikehendaki mengadakan sistem pengolahan efluen perindustrian mengikut spesifikasi dibenarkan.

"Arahan ini adalah selaras dengan peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk merawat air kumbahan sebelum dilepaskan ke sistem perparitan awam.

"Kegagalan mematuhi arahan tersebut, pemilik kilang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih enam bulan.

"Atau kedua-duanya di bawah seksyen 82 (5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis Daerah Kuala Selangor," katanya.

Tegasnya, MDKS mengeluarkan 19 notis dan lapan kompaun terhadap kilang perindustrian bermula 2018 sehingga 24 April lalu.

"Notis dan kompaun dikeluarkan terhadap kilang perindustrian berhampiran yang beroperasi serta berpotensi menyumbang pencemaran sungai," katanya.

Rahilah berkata, pemantauan berkala seperti operasi bersepadu bersama jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain dijalankan mengikut jadual khas pemantauan kilang di zon yang dikenal pasti.

## Tindakan pemutihan lebih proaktif tahun ini: MB

**KERAJAAN** negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap kilang haram dan kawasan perindustrian yang menjadi punca pencemaran di daerah ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, tindakan pemutihan terhadap kilang haram dan yang menyumbang pencemaran akan dilaksanakan lebih proaktif tahun ini.

"Saya sedia maklum dengan isu pencemaran yang dibangkitkan penduduk termasuk perkara yang dibincangkan ADUN dalam mesyuarat sebelum ini.

"Ini satu perkara yang serius kerana pencemaran memberi kesan buruk bukan saja kepada penduduk tetapi juga kerosakan hasil laut," katanya.

Beliau menegaskan, Sungai Buloh ini antara lima lokasi yang dikenal pasti paling tercemar di Selangor.

"Kos pembersihan bahan kumbahan ini cukup tinggi kerana sisa influen perindustrian yang tidak dirawat dengan betul cukup membahayakan.

"Pemutihan kilang haram dan penguatkuasaan terhadap pencemaran akan dilaksanakan oleh pihak berwajib tanpa sebarang kompromi," katanya.



Baharom menunjukkan air sungai berwarna hitam yang mengalir selepas jambatan di Kampung Parit Mahang terus ke laut

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | BISNES | 38 |

# Apa salahnya FGV tanam durian?



*Analisis Utusanbiz*

MUHD. SHAHIZAM TAZALI



ISNIN lalu, FGV Holdings Berhad (FGV) meneroka segmen perniagaan baharu bagi mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan. FGV yang sinonim dengan tanaman kelapa sawit dan kini akan dikenali pula sebagai pengeksport durian termasuk Musang King yang menjadi bualan penggemar raja buah itu di seluruh dunia.

FGV telah mengenal pasti 1,398 hektar tanah yang bersesuaian untuk penanaman durian secara komersial dalam skala yang besar. Pada Ogos 2018, Kementerian Pertanian dan Asas Tani menandatangani protokol eksport dengan Pentadbiran Am Kastam China untuk durian segar dan sejuk beku.

Menurut FGV, ia merupakan potensi besar kepada industri durian Malaysia memandangkan China merupakan pembeli durian terbesar ketika ini. Tetapi ramai juga yang mempertikaikan kemampuan FGV untuk terlibat dengan penanaman durian selain meragui industri durian mampu menjana pendapatan besar kepada syarikat.

Eksport durian premium ke negara pengimport durian terbesar dunia, China dijangka melonjak daripada 5.8 peratus kepada tiga digit menjelang hujung tahun ini.

## BANYAK SYARIKAT MAHU EKSPORT DURIAN KE CHINA

Ini kerana lebih banyak syarikat tempatan sedang berbincang dengan China untuk mengeksport durian ke negara itu selain mengembangkan perkongsian pasaran.

Syarikat e-dagang gergasi dunia, Alibaba Group telah memasuki perkongsian strategik dengan pembekal durian tempatan bagi mengeksport buah durian sejuk beku gred premium, Musang King ke China.

Walaupun durian majoritinya dipasarkan di rantau Asia berbanding negara barat, namun potensi besar terutama di pasaran China tidak boleh dilepaskan. Durian adalah buah bermusim tetapi permintaan yang tinggi menyebabkan harganya boleh meningkat berkali ganda bagi gred premium.

## POTENSI EKSPORT DURIAN

Menurut Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Malaysia menghasilkan 300,000 tan durian setahun yang mana 23 peratus adalah Musang King.

Data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menunjukkan eksport durian ke China meningkat secara purata sebanyak 35 peratus setiap tahun.

Anggaran nilai perdagangan pula sebanyak RM4.5 bilion pada 2017 meningkat RM1 bilion berbanding sedekad lalu.

## KEPAKARAN FGV DALAM SEKTOR PENANAMAN

Sekali pun berbeza dengan kelapa sawit, pengalaman FGV dalam sektor pertanian tidak harus dipandang remeh. FGV memiliki 450,000 hektar bank tanah di seluruh Malaysia dan Indonesia.

Syarikat itu memproses 15 juta tan tandan buah segar (FFB) setahun yang mana lima juta tan dari ladang miliknya.

Kemampuan menguruskan ladang yang besar, mempunyai aktiviti hiliran dan huluan serta menjalin pelbagai kerjasama strategik membuktikan kredibiliti FGV dalam mengendalikan perniagaan pertanian. Dengan perancangan yang tepat, tidak mustahil FGV mampu muncul sebagai pengeksport durian terkemuka kelak.

## SEKATAN EKSPORT MINYAK SAWIT EU

Tindakan Kesatuan Eropah (EU) yang mengenakan sekatan terhadap eksport minyak kelapa sawit boleh menjejaskan pemain-pemain industri kelapa sawit.

Bagi menangani sekatan tersebut, Malaysia akan meningkatkan eksport minyak kelapa sawit ke pasaran sedia ada seperti Pakistan, Iran, China, Turki dan India. Strategi itu bagi mencari pengganti kepada pasaran EU.

Walaupun tidak mahu bergantung kepada EU lagi, impak penurunan eksport ke benua itu pasti terasa. FGV sebagai operator ladang kelapa sawit ketiga terbesar dunia pastinya mahu mencari alternatif lain untuk menambah pendapatan.

Kebergantungan kepada satu sumber pendapatan sahaja boleh menjejaskan daya tahan syarikat untuk jangka masa panjang. Keputusan untuk meneroka pasaran durian merupakan langkah wajar untuk menambah nilai tanah-tanah yang tidak produktif untuk penanaman sawit. Jadi apa salahnya FGV tanam durian?

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | China blocks pork shipments from Canadian exporters | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 03 May 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A44 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 162 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,894 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,682 |




# 加拿大猪肉业者出口中国遇阻

**渥太华2日讯**｜加拿大农业部长比博表示，所属官员告诉她，中国政府暂停两家加拿大猪肉出口商的输出许可。

比博当地时间周三在渥太华，透过电话接受路透社专访时表示，她尚未接到中方有关暂停许可的通知，也不会透露这两家公司的名称。但她表示，两家肉品制造商都在东部魁北克省。

她说：「我们须对此著手调查，这可能只是单纯行政问题，或许可以容易地解决，我不能揣测为何许可证会被暂停。」

加拿大食品检验局上周表示，有些加拿大猪肉船运到中国时遭到延宕，理由是加国出口商使用过期许可证明，这种文件是用来证明货物符合中国的规定。

加拿大猪肉协会发言人表示，暂停许可可能是纸上作业问题，不过同样的问题以前不曾发生。他指，暂停许可是针对两家在魁北克的肉品加工厂。

中方早前停止了两家加拿大公司的油菜籽产品出口到中国，指海关在进口的加拿大油菜籽中，多次截获多种检疫性有害生物。这些有害生物一旦传入，将对中国农业生产及生态环境安全带来严重危害。

Powered by: isentia